

LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK

Sila baca Lembaran Pendedahan Produk ini sebelum anda bersetuju untuk memohon Kad Kredit OCBC. Pastikan anda juga baca Perjanjian Ahli Kad OCBC.

1. Apakah produk ini?

Kad Kredit OCBC adalah kemudahan tidak bercagar di mana sejumlah kredit diluluskan oleh OCBC kepada anda untuk digunakan terutamanya bagi pembayaran barangan dan perkhidmatan dan di mana sebarang amaun kredit yang telah anda gunakan dan tidak dijelaskan sepenuhnya pada atau sebelum tarikh tertentu, maka baki tertunggak adalah tertakluk kepada caj kewangan.

2. Apakah yang boleh saya perolehi daripada produk ini?

- Had kredit yang diluluskan oleh OCBC dan akan dikemukakan kepada anda melalui pek alu-aluan Kad Kredit.
- Penjimatan dari segi rebat tunai atau sebarang gratuity yang disediakan oleh OCBC kepada Ahli Kad dari masa ke semasa.
- Pelan Pembayaran Ansuran Automatik tanpa faedah untuk pembelian tertentu untuk kad Cashflo.
- Diskaun dan Faedah & Tawaran Eksklusif Ahli.
- Memohon Call-for-Cash (CFC) yang merupakan satu bentuk pendahuluan tunai daripada had kredit sedia ada Ahli Kad dan membayar balik secara ansuran bulanan dalam tempoh 12-36 bulan, tertakluk kepada pembayaran (a) Yuran pendahuluan tunai sehingga 3% daripada jumlah yang didahulukan dan (b) faedah sehingga 9% setahun ke atas jumlah yang didahulukan.

3. Apakah kewajipan saya?

Jumlah minima yang perlu dibayar (Jumlah semasa) bermaksud yang mana lebih tinggi diantara (a) dan (b) di bawah:

- Bayaran Minima Bulanan
 - (a) Jumlah agregat untuk yang berikut:
 - (i) 5% daripada baki baru* (tidak termasuk ansuran bulanan yang dikontrakkan seperti yang dirujuk kepada (ii) di bawah); dan
 - (ii) 100% daripada ansuran bulanan yang dikontrakkan termasuk sebarang pelan bayaran ansuran bulanan, pelan pemindahan baki dan sebarang penukaran baki automatik ("Auto Balance Conversion" – ABC)
 - (b) RM50
- Untuk maklumat lanjut berkenaan ABC, kelayakkan serta bagaimana ABC berfungsi, sila layari laman sesawang OCBC *Sepertimana yang ditakrifkan dalam OCBC Perjanjian Ahli Kad
- Tempoh Bebas Faedah
 - 20 hari dari tarikh penyata dengan syarat tidak terdapat baki belum jelas dalam akaun ahli kad. Jika ahli kad memilih untuk membuat pembayaran sebahagian atau minima, caj kewangan bagi urus niaga runcit akan dikenakan dari tarikh urus niaga dicatatkan pada akaun kad. Tempoh tanpa faedah adalah tidak terpakai bagi Pendahuluan Tunai atau Pemindahan Baki.
- mematuhi Perjanjian dan Terma dan Syarat bagi penggunaan Kad Kredit Ahli Kad OCBC.
- Berwaspada dan mengambil langkah sewajarnya untuk menyimpan kad kredit dan PIN dengan selamat pada setiap masa, termasuk di sekitar kediaman pemegang kad. Ini tidak termasuk:
 - (i) mendedahkan butiran kad kredit atau PIN kepada mana-mana pihak lain;
 - (ii) mencatatkan PIN pada kad kredit, atau apa-apa yang disimpan bersama dengan kad;
 - (iii) menggunakan PIN daripada tarikh lahir pemegang kad, kad pengenalan, passport, lesen memandu atau nombor perhubungan; dan membenarkan orang lain menggunakan kad kredit dan PIN.
 - (iv) memaklumkan OCBC Bank dengan secepat mungkin jika mendapati bahawa kad kredit anda telah hilang, dicuri, transaksi yang tidak sah atau PIN telah terjejas;
- memaklumkan OCBC Bank sebaik mungkin selepas menerima khidmat pesanan ringkas (SMS) amaran transaksi jika urus niaga itu tidak diberi kuasa;
- memaklumkan OCBC Bank dengan segera jika ada sebarang perubahan pada nombor telefon pemegang kad;
- gunakan kad kredit dengan bertanggungjawab, termasuk tidak menggunakan kad kredit untuk aktiviti haram; dan
- menyemak penyata bulanan dan melaporkan sebarang percanggahan tanpa berlengah.
- Sebagai Ahli Kad Asas, anda bertanggungjawab terhadap semua urus niaga oleh Ahli Kad Tambahan anda.

4. Apakah yuran dan caj yang perlu saya bayar?

Sila rujuk muka surat sebelah.

5. Bagaimana jika saya gagal memenuhi kewajipan saya?

- Yuran bayaran lewat:
 - Anda dikehendaki membayar yuran bayaran lewat termasuk sebarang akses sekiranya bayaran bulanan minima tidak diterima oleh OCBC pada atau sebelum tarikh tamat tempoh, tertakluk kepada yuran bayaran lewat yang ditentukan oleh OCBC dari masa ke semasa.
- Caj Kewangan
 - Anda akan bertanggungjawab untuk membayar caj kewangan yang dikenakan ke atas baki tertunggak yang dibawa ke hadapan dari tarikh penyata bulanan terakhir, dikira dari tarikh sebaik selepas tarikh penyata bulanan semasa.
- Hak penolakan:
 - OCBC berhak dengan notis terdahulu kepada anda menolak dari sebarang baki dalam akaun perbankan yang anda ada dengan kami terhadap baki tertunggak dalam akaun Kad Kredit anda.
- Liabiliti terhadap urus niaga tanpa izin:
 - Ahli Kad akan bertanggungjawab ke atas transaksi yang tidak berasaskan PIN jika anda telah:

- (i) bertindak penipuan, atau
- (ii) menangguk dalam memaklumkan OCBC Bank dengan secepat mungkin selepas mendapati kehilangan atau penggunaan kad kredit anda tanpa kebenaran, atau
- (iii) mendedahkan PIN anda kepada orang lain secara sukarela, atau
- (iv) mencatatkan PIN anda pada kad kredit, atau pada apa-apa yang disimpan bersama kad kredit anda.

Ahli Kad akan bertanggungjawab ke atas urus niaga tanpa kebenaran yang memerlukan pengesahan tandatangan atau dengan kad tanpa sentuh jika anda telah:

- (i) bertindak penipuan, atau
- (ii) menangguk dalam memaklumkan OCBC Bank dengan secepat mungkin selepas mendapati kehilangan atau penggunaan kad kredit anda tanpa kebenaran, atau
- (iii) meninggalkan kad kredit atau barang yang mengandungi kad kredit anda tanpa pengawasan di tempat-tempat yang boleh dilihat dan diakses oleh orang lain; atau
- (iv) memberi kebenaran orang lain menggunakan kad kredit anda secara sukarela.

- Anda akan menanggung segala kerugian akibat kecuaiannya anda mengawasi Kad Kredit anda dari kehilangan, kecurian atau PIN terdedah, atau kegagalan anda melaporkan ke Pusat Kad Kredit OCBC, sebaik sahaja anda mengetahui akan kehilangan, kecurian, pendedahan PIN ataupun anda mengesyaki Kad Kredit anda disalahguna. Anda perlu membuat laporan polis dan salinan laporan perlu diberikan kepada OCBC.
- Sekiranya anda gagal mematuhi Perjanjian Ahli Kad OCBC, kami berhak menamatkan Kad Kredit OCBC anda.

6. Bagaimana jika saya menyelesaikan baki sebelum tarikh matang? (Bagi Pemindahan Baki, Pembayaran Ansuran Mudah, Pendahuluan Tunai dengan kemudahan pembayaran ansuran bulanan)

Tiada yuran atau caj akan dikenakan sekiranya anda menyelesaikan segala baki Pemindahan Baki, Pembayaran Ansuran Mudah, Pendahuluan Tunai dengan kemudahan pembayaran ansuran bulanan sebelum tempoh matang pelan anda bagaimanapun bayaran balik faedah (yang mana berkenaan) dikira berdasarkan Peraturan 78.

7. Apakah risiko-risiko utama?

- Dengan membayar hanya bayaran bulanan minima, amaun faedah dan masa untuk menyelesaikan amaun penuh akan bertambah. Fikirkan tentang keupayaan kewangan anda ketika menggunakan Kad Kredit. Jika anda menggunakan Kad Kredit untuk membuat pembayaran untuk pembiayaan lain, tindakan ini akan meningkatkan kos anda.
- Caj kewangan yang dikenakan bagi baki tertunggak Kad Kredit ini adalah berasaskan struktur penetapan harga bertingkat mengikut rekod pembayaran anda.
- Sekiranya anda mengalami kesulitan membayar baki Kad Kredit anda, sila hubungi OCBC untuk membincangkan alternatif pembayaran.
- Anda perlu melaporkan kepada OCBC dengan segera selepas menyedari Kad Kredit anda hilang atau dicuri.
- Caj Pembayaran & Kewangan lewat Pendahuluan Tunai, Pindahan Baki, dan Call for Cash sebagai tambahan kepada yuran pendahuluan wang tunai dan faedah untuk setiap kemudahan ini.

8. Apakah yang perlu saya lakukan jika maklumat hubungan saya berubah?

Anda perlu memaklumkan OCBC sekiranya maklumat hubungan anda berubah bagi memastikan semua amaran transaksi dan surat-menyurat tiba tepat pada masanya. Sila hubungi Pusat Perhubungan OCBC di talian +603-8317 5000 untuk mengemas kini maklumat hubungan terkini anda. Anda juga boleh menghubungi kami pada bila-bila masa untuk mengemas kini Butiran Peribadi anda. Maklumat ini penting buat kami dalam usaha untuk menawarkan perkhidmatan yang lebih baik kepada anda. Anda tidak perlu risau kerana Butiran Peribadi anda adalah sulit.

9. Di mana saya boleh mendapat bantuan dan pembelaan?

- Jika anda menghadapi masalah pembayaran balik, anda perlu menghubungi kami secepat mungkin untuk membincangkan pembayaran balik alternatif. Anda boleh menghubungi kami di: OCBC Bank (Malaysia) Berhad, Menara OCBC, 18 Jalan Tun Perak, 50050 Kuala Lumpur. Tel: +603-8317 5000; Faks: 03-8688 9600; Laman Web: www.ocbc.com.my
- Secara alternatif, anda boleh mendapat perkhidmatan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), agensi yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia untuk memberi perkhidmatan percuma untuk pengurusan wang, kaunseling kredit dan penyusunan semula hutang untuk individu. Anda boleh menghubungi AKPK di Tingkat 8, Maju Junction Mall, 1001 Jalan Sultan Ismail, 50250 Kuala Lumpur. Tel: 3-2616 7766; Emel: enquiry@akpk.com.my. Program POWER! adalah program yang dijalankan oleh AKPK untuk memperkasakan pemuda dan peminjam baru dengan pengetahuan untuk menguruskan kewangan mereka secara efektif. Untuk mendaftarkan diri, sila panggil 03-2616 7766 atau layari laman web www.akpk.gov.my untuk maklumat lanjut.
- Jika anda mahu membuat aduan terhadap produk atau servis kami, anda boleh mengutus kepada kami di: Customer Assurance Unit OCBC Bank - Service Transformation Menara OCBC No. 18 Jalan Tun Perak 50050 Kuala Lumpur; Email: myexperience@ocbc.com atau menghubungi Pusat Hubungan OCBC di +603 8317 5000.
- Jika jawapan kami terhadap soal atau aduan anda tidak diterima oleh anda boleh menghubungi Customer Contact Centre (BNMTELELINK) Bank Negara Malaysia, P.O. Box 10922, 50929 Kuala Lumpur. Tel: 1-300-88-5465 (1-300-88-LINK); Luar Negara: 603-2174-1717 Waktu Operasi: 9.00 a.m. - 5.00 p.m. (Isnin - Jumaat kecuali cuti umum). Web form: televlink.bnm.gov.my

10. Di manakah saya boleh mendapat maklumat lanjut?

Sekiranya anda memerlukan maklumat lanjut mengenai kad kredit, sila rujuk buku kecil banking info mengenai 'Kad Kredit' yang terdapat di semua cawangan OCBC, dan di laman sesawang OCBC.

NOTA PENTING: TINDAKAN UNDANG-UNDANG AKAN DIAMBIL TERHADAP ANDA SEKIRANYA ANDA TIDAK MEMBUAT BAYARAN BALIK KE ATAS B. KREDIT ANDA.

Maklumat yang disediakan di dalam lembaran pendedahan ini sah pada 10/2024. Untuk melihat versi terkini pendedahan produk ini, sila layari laman sesawang OCBC.

11. Lain-lain Produk Kad Kredit OCBC yang sedia ada

- OCBC 90°N Visa Card
- OCBC Cashflo Mastercard
- OCBC Great Eastern Platinum Mastercard
- OCBC Titanium Mastercard (Blue/Pink)
- OCBC 365 Mastercard

Yuran dan Caj		Keterangan	
	Jenis Kad	Asas	Tambahan
Yuran Tahunan	OCBC 90°N Visa Card	RM288.00	RM88.00
	OCBC Cashflo Mastercard	RM188.00	RM68.00
	OCBC 365 Mastercard	RM100.00	RM50.00
	OCBC Great Eastern Platinum Mastercard	Tiada yuran tahunan	Tiada yuran tahunan
	OCBC Titanium Mastercard (Blue/Pink)	RM75.00	Tiada yuran tahunan
Cukai Perkhidmatan	Cukai perkhidmatan sebanyak RM25 untuk setiap ahli kad asas dan setiap ahli kad tambahan akan dikenakan selepas kad kredit baru diaktifkan dan tiap-tiap dua belas bulan selepas itu atau sebahagian daripadanya selepas kad itu diaktifkan atau diperbaharui.		
Caj Kewangan	a) Pembelian runcit termasuk Pindahan Baki & Call-for-Cash i) 15% setahun bagi ahli kad dengan pembayaran tepat selama 12 bulan berturut-turut. ii) 17% setahun bagi ahli kad dengan pembayaran tepat bagi 10 atau 11 bulan dalam 12 bulan yang lepas. iii) 18% setahun bagi ahli kad yang tidak memenuhi kriteria di atas. Untuk menikmati caj kewangan yang lebih rendah bagi urus niaga runcit, anda perlu membuat sekurang-kurangnya 10 pembayaran tepat dalam kitaran 12 bulan. b) Pendahuluan Tunai/ Cip Kasino 18% setahun atas amaun pendahuluan tunai/cip kasino dikira secara harian dari tarikh urus niaga.		
Caj Faedah Pemindahan Baki	Kadar faedah rata 6% setahun atau lebih rendah bagi kadar faedah promosi.		
Call for Cash(CFC)	a) Kadar Faedah b) Yuran Pendahuluan Tunai Rata 9% setahun atau lebih rendah bagi kadar faedah promosi 3% atau lebih rendah bagi kadar faedah promosi (yuran satu kali)		
Tempoh Bebas Faedah	Urus niaga runcit: 20 hari dari tarikh penyata dengan syarat tidak terdapat baki belum jelas dalam akaun ahli kad. Jika ahli kad memilih untuk membuat pembayaran sebahagian atau minima, caj kewangan bagi urus niaga runcit akan dikenakan dari tarikh urus niaga dicatatkan pada akaun kad. Tempoh tanpa faedah adalah tidak terpakai bagi Pendahuluan Tunai atau Pemindahan Baki		
Yuran Pendahuluan Tunai/ Cip Kasino	5% daripada amaun pendahuluan atau minima RM20, yang mana satu lebih tinggi. Yuran ini dikenakan bagi setiap urus niaga pendahuluan tunai.		
Bayaran Minima Bulanan	Jumlah minima yang perlu dibayar (Jumlah semasa) bermaksud yang mana lebih tinggi diantara (a) dan (b) di bawah: (a) Jumlah agregat untuk yang berikut: (i) 5% daripada baki baru* (tidak termasuk ansuran bulanan yang dikontrakkan seperti yang dirujuk kepada (ii) di bawah); dan (ii) 100% daripada ansuran bulanan yang dikontrakkan termasuk sebarang pelan bayaran ansuran bulanan, pelan pemindahan baki dan sebarang penukaran baki automatik ("Auto Balance Conversion" – ABC) (b) RM50 Untuk maklumat lanjut berkenaan ABC, kelayakkan serta bagaimana ABC berfungsi, sila layari laman sesawang OCBC *Sepertimana yang ditakrifkan dalam OCBC Perjanjian Ahli Kad		
Yuran Pembayaran Lewat	1% yuran pembayaran lewat hanya untuk transaksi runcit dan pendahuluan tunai atau RM10 (yang mana lebih tinggi), tertakluk kepada maksimum RM100.		
Pertukaran untuk Urus Niaga Luar Negara	Urus niaga luar negara tertakluk kepada kadar tukaran matawang yang ditentukan oleh Visa International dan Mastercard Worldwide termasuk yuran pentadbiran sebanyak 1.00% untuk OCBC 365 Mastercard dan 1.25%** untuk semua kad lain dan mana-mana yuran urus niaga yang dikenakan oleh Visa International dan Mastercard Worldwide.		
Yuran Pengeluaran Penyata Bulanan	Tanpa caj bagi penyata semasa sehingga 2 bulan yang lepas. RM5 setiap penyata bagi 3 bulan ke atas.		
Yuran Resit Urus Niaga	Jenis Kad	Salinan asal	Salinan pendua
	OCBC 90°N Visa Card, OCBC Cashflo Mastercard, OCBC Great Eastern Platinum Mastercard dan OCBC Titanium Mastercard (Blue/Pink)	RM15.00	RM10.00
	OCBC 365 Mastercard	RM15.00	RM8.00
Yuran Pemulangan Cek	Tiada caj.		
Yuran Penggantian Kad	Jenis Kad	Yuran Penggantian Kad	
	OCBC 90°N Visa Card, OCBC Cashflo Mastercard, OCBC Great Eastern Platinum Mastercard dan OCBC Titanium Mastercard (Blue/Pink)	RM50	
	OCBC 365 Mastercard	RM35	

** Tidak sah untuk OCBC Premier Voyage Mastercard untuk OCBC Premier Private Client.

Penafian: Lembaran Pendedahan Produk ini adalah untuk tujuan maklumat semata-mata dan tidak mengandungi sebarang nasihat bagi mana-mana perkara yang dibincangkan. Semua maklumat dan bahan termasuk tentang perkhidmatan, produk, maklumat kewangan, data, teks atau item lain disediakan mengikut 'seperti adanya', dan 'seperti tersedia' dan diberikan untuk maklumat dan rujukan anda semata-mata. OCBC Bank tidak menjamin kebergunaan atau kecukupan maklumat yang disediakan dan tidak menanggung liabiliti ke atas mana-mana ralat dan tidak akan bertanggungjawab terhadap akibat daripada kebergantungan terhadap mana-mana pendapat atau kenyataan yang terkandung di dalam helaian ini atau untuk sebarang perkara yang tidak dimasukkan. Terma dan syarat Kad Kredit OCBC ditadbir oleh Perjanjian Ahli Kad OCBC. Perjanjian ini terdapat di cawangan-cawangan OCBC dan di laman sesawang OCBC. Lembaran Pendedahan Produk ini adalah sulit dan tidak boleh diterbitkan semula (secara keseluruhan atau sebahagian) kepada mana-mana individu tanpa persetujuan bertulis daripada OCBC.